



JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN MALAYSIA



EDISI KETIGA

2024

JPS

Updates



LAWATAN YAB
PERDANA MENTERI
KE KAWASAN BANJIR DI NEGERI TERENGGANU



Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia



Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia



@jps_malaysia



@jps_malaysia



www.water.gov.my

SIDANG EDITORIAL

PENASIHAT

Ir. Amiruddin bin Alaldin
Timbalan Ketua Pengarah (Sektor Bisnes)
Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia

PENYELARAS

Ir. Mat Pua'at bin Mat Husain
Pengarah Kanan (Sektor Pengurusan)
Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia

KETUA EDITOR

Ir. Muhammad Zaki bin Mashud
Pengarah Bahagian Korporat
Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia

EDITOR

Ir. Faridah binti Mohd Razelan
Timbalan Pengarah Bahagian Korporat
Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia

PENOLONG EDITOR

Ir. Zaidin bin Matsin
Noorul Faedzah binti Rosli
Salwana Fadzil
Nora Idayu Ahmad Nazri

PENERBIT

Bahagian Korporat
Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia

TINTA

Ketua Editor



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Alhamdulillah, saya ingin menitipkan kesyukuran kehadiran Ilahi kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya dapat saya bersama lagi untuk edisi pada kali ini.

Ucapan terima kasih buat sidang editorial kerana telah menyumbang usaha dan tenaga dalam menghasilkan buletin semasa.

Terima kasih juga kepada warga jabatan atas kesetiaan anda sebagai pembaca JPS Updates.

Akhir kalam, semoga kita akan mencapai kejayaan yang lebih gemilang di masa hadapan. Semoga buletin ini akan lebih memberi manfaat kepada warga JPS, pihak berkepentingan dan orang awam.

Jayakan Perkhidmatan Sempurna

Sekian, terima kasih.

Ir. Muhammad Zaki bin Mashud
Pengarah Bahagian Korporat

MAJLIS PERJUMPAAN YABM PETRA BERSAMA WARGA PETRA BAGI BULAN NOVEMBER 2024



Turut hadir dalam majlis tersebut adalah YB Timbalan Menteri PETRA, KSU dan Pengurusan Tertinggi PETRA serta Ketua-Ketua Jabatan & agensi di bawah PETRA.



Brs. Ir Amirudin bin Alaldin, TKPSB Menanggung Tugas Ketua Pengarah JPS telah hadir ke Majlis Perjumpaan YABM PETRA Bersama Warga PETRA bagi Bulan November 2024 bertempat di Dewan Baiduri, Menara PETRA.



Tahniah & Penghargaan

Setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan atas pemangkuan Jurutera Awam, Jawatan Utama Sektor Awam (JUSA C) :

Ir. Dr. Asnor Muizan bin Dato' Hj. Ishak
Pengarah Pengairan dan Saliran Negeri Perak
dan Penempatan Khas ke Jurutera Awam
Gred Utama C



YBhg. Dato' Ir. Ts. Hj. Mohd Nazri bin Yasmin
Pengarah Pengairan dan Saliran Negeri Selangor



Ir. Ts. Gs. Dr. Hjh. Siti Fairus Bt. Hj. Zakaria
Pengarah Pengairan dan Saliran Negeri Kelantan



Tahniah & Penghargaan

Setinggi-tinggi Tahniah dan Penghargaan atas Pelantikan sebagai Pengarah:



PUAN NURAZIAH BINTI ABDUL KADIR
Bahagian Bangunan dan Infrastruktur
JPS Malaysia



IR. TS. HAYATI BINTI ZAINAL
Jabatan Pengairan Dan Saliran Wilayah Persekutuan Labuan

#jayakanperkhidmatansempurna

4 November 2024

Tahniah & Penghargaan

Setinggi-tinggi Tahniah dan Penghargaan atas Pemangkuan Jawatan Jurutera Awam Gred J48 kepada pegawai- Pegawai JPS seperti berikut:



PUAN ADILAH BINTI MOHAMAD ANUAR
Rancangan Pembangunan Persekutuan
ditempatkan di
Bahagian Pengurusan Lembangan Sungai



PUAN MASFIRAH BINTI MANSOR
Jabatan Pengairan dan Saliran Wilayah
Persekutuan Kuala Lumpur



ENCIK MUHAMMAD FAKHRI BIN IBRAHIM
Bahagian Pengairan dan Saliran Pertanian
Kementerian Pertanian dan Keterjaminan
Makanan



ENCIK MOHD HAIRUL NIZAM BIN MANSUR
Rancangan Pembangunan Persekutuan
ditempatkan di
Pejabat Projek Persekutuan Pulau Pinang



IR. SASITHARAN A/L MANIKAM
Jabatan Pengairan dan Saliran Pulau Pinang



IR. DR. HAFIZUL AIMME BIN CHE HAMID
Pusat Ramalan dan Amaran Banjir Negara

#jayakanperkhidmatansempurna

SIARAN LANGSUNG TEMUBUAL Apa Khabar Malaysia “Persediaan Menghadapi Banjir”



5 November 2024

YBrS. Ir. Dr. Norlida binti Mohd Dom, Pengarah Pusat Ramalan dan Amaran Banjir Negara, JPS Malaysia dan YBrS. Ir. Ts. Mohamad Nor Othman, Penolong Pengarah Kanan, Unit Pembangunan Keselamatan Elektrik/Gas, Jabatan Kawal Selia Keselamatan, Suruhanjaya Tenaga telah bersiaran secara langsung di Bernama TV dengan topik “Persediaan Menghadapi Banjir” pada 5 November 2024 (Selasa) jam 9.00 pagi.

SIARAN LANGSUNG TEMUBUAL DI BERNAMA RADIO

“Persediaan Menghadapi Banjir”

MYTV SALURAN 711 SALURAN RADIO:

Temu Bual
RADIO

“ PERSEDIAAN MENGHADAPI
BANJIR ”

ALYAA ZAINAL ABIDIN
PENOLONG PENGARAH
UNIT PEMBANGUNAN KESELAMATAN ELEKTRIK / GAS
JABATAN KAWAL SELIA KESELAMATAN
SURUHANJAYA TENAGA

IR. DR. SALWA RAMLY
TIMBALAN PENGARAH (OPERASI)
PUSAT RAMALAN DAN AMARAN BANJIR NEGARA
JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN (JPS) MALAYSIA

5 NOVEMBER 2024 | SELASA | 10.30 PAGI

LEMBAH KLANG FM 93.9 | JOHOR BAHRU FM 107.5 | KUCHING FM 100.9 | KOTA KINABALU FM 107.9

5 November 2024

YBrs. Ir. Dr. Salwa binti Ramly, Timbalan Pengarah (Operasi) Pusat Ramalan dan Amaran Banjir Negara, JPS Malaysia dan YBrs. Puan Alyaa binti Zainal Abidin, Penolong Pengarah, Unit Pembangunan Keselamatan Elektrik/Gas, Jabatan Kawal Selia Keselamatan, Suruhanjaya Tenaga telah bersiaran secara langsung di Bernama Radio dengan topik “Persediaan Menghadapi Banjir” pada 5 November 2024 (Selasa) jam 10.30 pagi.



5 November 2024 | YBhg. Dato' Ir. Rozman bin Mohamad, Timbalan Ketua Pengarah (Sektor Pakar) JPS Malaysia telah menghadiri Program Bulan Integriti JPS Malaysia 2024 yang telah diadakan di Dewan Serbaguna Ibu Pejabat JPS Malaysia. Program ini diadakan bertujuan untuk memupuk nilai integriti dalam kalangan Warga JPS Malaysia.

Ceramah yang bertajuk 'Integriti Tunjang Kecemerlangan Perkhidmatan Awam' telah disampaikan oleh YBrs. Encik Norzaidan bin Haji Hamad dari Unit Komunikasi Korporat, JAKIM. Turut hadir bersama ke program ini ialah Pengarah-Pengarah Bahagian serta warga JPS Malaysia.

PROGRAM

Bulan Integriti

JPS MALAYSIA 2024



*"Integriti Tunjang
Kecemerlangan Perkhidmatan
Awam"*

6 November 2024

TAKLIMAT PENGGULUNGAN PERBAHASAN BAJET 2025

Peringkat Dasar KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA & TRANSFORMASI AIR (PETRA) KEPADA YAB MENTERI PETRA




YBrs. Ir. Amiruddin bin Alaldin, TKPSB Menanggung Tugas Ketua Pengarah JPS telah hadir ke Taklimat Penggulangan Perbahasan Bajet 2025 Peringkat Dasar Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) Kepada YAB Menteri PETRA bertempat di Bilik YAB Menteri PETRA, Parlimen Malaysia.



Turut hadir dalam majlis tersebut adalah YB Timbalan Menteri PETRA, TKSU, SUBK, SUB serta Ketua-Ketua Jabatan & pegawai-pegawai kanan Jabatan dan agensi.

THE 39TH MEETING OF MALAYSIA – THAILAND JOINT EVALUATION TEAM (JET) AND THE 40TH MEETING OF MALAYSIA – THAILAND JOINT TECHNICAL WORKING GROUP (JTWG) ON THE GOLOK RIVER MOUTH IMPROVEMENT PROJECT



6 November 2024



Mesyuarat Jawatankuasa Joint Evaluation Team (JET) ke-39 telah diadakan pada 5 November 2024 dan Mesyuarat Jawatankuasa Joint Technical Working Group (JTWG) telah diadakan pada 6 November 2024.

Mesyuarat ini merupakan jawatankuasa yang dipengerusi bersama oleh Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia dan Royal Irrigation Department of Thailand.

Tujuan mesyuarat ini diadakan adalah bagi menjalankan penilaian terperinci (teknikal) di muara Sungai Golok, mengenalpasti isu-isu semasa dan mengesyorkan sebarang penyelesaian di muara sungai tersebut.





**TAKLIMAT PROJEK RTB SIBU KEPADA YAB MENTERI PERALIHAN
TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR (PETRA)
dan
MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA MERANGKAP AHLI PARLIMEN SIBU**

7 November 2024 | YBr. Ir. Amiruddin bin Alaldin, TKPSB Menanggung Tugas Ketua Pengarah JPS telah hadir dan menyampaikan Taklimat Projek RTB Sibu Kepada YAB Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) dan YB Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) merangkap Ahli Parlimen Sibu yang diadakan di Bilik Perbincangan 5, Blok Ahli Parlimen, Parlimen Malaysia.



Turut hadir dalam majlis tersebut adalah YBhg Datu PPSN Sarawak, SUB Sumber Air PETRA, pegawai-pegawai kanan MOTAC dan JPS.



12 November 2024

YBhg. Dato' Ir. Rozman bin Mohamad, Timbalan Ketua Pengarah (Sektor Pakar), Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia telah menyempurnakan penyerahan projek kepada YBrs. Tuan Haji Norazli bin Indzam, Setiausaha Bahagian Pembangunan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) selaku pembiaya projek dan seterusnya diserahkan kepada YBhg. Dato' Rozitta binti Sulaiman, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan selaku pengguna. Turut hadir bersama Pegawai Kanan Kementerian, Jabatan dan Negeri.

Enam (6) projek siap telah dilaksanakan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia dengan kos projek berjumlah RM19.2 juta dan diserahkan kepada Kerajaan Negeri Sembilan yang melibatkan projek-projek pengairan di Daerah Kuala Pilah dan Daerah Tampin iaitu:

i) Kerja-kerja menaiktaraf sistem mekanikal dan elektrik serta kerja-kerja lain yang berkaitan di pintu air Sungai Muar 1 dan Pintu Air Sungai Muar 2, Daerah Kuala Pilah, Negeri Sembilan bernilai RM1.74 juta;

MAJLIS PENYERAHAN PROJEK SIAP JABATAN BUKAN TEKNIK (AP182) KEPADA KERAJAAN NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

ii) Membina infrastruktur pengairan dan saliran serta kerja-kerja lain yang berkaitan di skim pengairan padi Sungai Muar 1 dan 2, Daerah Kuala Pilah, Negeri Sembilan Bernilai RM5.48 juta;

iii) Membina dan menaiktaraf infrastruktur pengairan dan saliran serta kerja-kerja lain yang berkaitan di skim pengairan Kg. Londah, Daerah Tampin, Negeri Sembilan Bernilai RM 1.7 juta;

v) Membina dan menaiktaraf infrastruktur pengairan dan saliran serta kerja-kerja lain yang berkaitan di skim pengairan padi Terachi Batu 14 Dan 17, Daerah Kuala Pilah, Negeri Sembilan bernilai RM3.1 juta;

vi) Membina dan menaiktaraf infrastruktur pengairan dan saliran serta kerja-kerja lain yang berkaitan di skim pengairan padi Tanjung Ipoh, Daerah Kuala Pilah, Negeri Sembilan Bernilai RM1.1 juta; dan

vi) Membina dan menaiktaraf infrastruktur pengairan dan saliran serta kerja-kerja lain yang berkaitan di skim pengairan Kg. Bangkahulu, Daerah Tampin, Negeri Sembilan bernilai RM780,000.

Projek-projek ini melibatkan kerja-kerja menaiktaraf tali air, ibu bekalan dan alur limbah bagi memastikan bekalan air mencukupi dapat dibekalkan ke sawah. Selain itu, skop kerja-kerja menaiktaraf dan penggantian pintu-pintu air yang rosak, pembinaan ban dan menaik taraf jalan ladang memberi kemudahan kepada petani dalam mengusahakan tanaman padi di daerah ini.





MAJLIS ANUGERAH PEMBANGUNAN NEGARA (APN) 2024

YBrs Ir Mat Pua'at bin Mat Husain, Pengarah Kanan JPS telah mewakili JPS Malaysia ke Majlis APN 2024 yang berlangsung di Movenpick Convention Centre, Sepang.

Dalam Ucaptama YBhg. Tan Sri Ketua Setiausaha Negara, beliau menegaskan APN berfungsi sebagai platform bagi perkongsian kejayaan dan amalan terbaik pengurusan program/projek di peringkat Kementerian serta Agensi Kerajaan.

Dalam majlis tersebut, JPS Malaysia telah menerima anugerah bagi kategori Anugerah Khas Penilaian Outcome Pembudayaan untuk tahun 2024.

Turut hadir dalam majlis tersebut adalah YBhg Tan Sri KPPA, KSU-KSU Kementerian, Ketua-Ketua Jabatan serta pegawai-pegawai kanan Kementerian dan agensi.





FORUM ANTARABANGSA: 'THE ROLE OF ENGINEERING EDUCATION AND SCIENCE IN ACHIEVING SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS – NEW CHALLENGES AND SOLUTIONS'



YBhg. Ir. Amiruddin bin Alaldin, Timbalan Ketua Pengarah (Sektor Bisnes) telah menghadiri Forum Antarabangsa bertajuk 'The Role of Engineering Education and Science in Achieving Sustainable Development Goals - New Challenges and Solutions' yang dianjurkan bersama oleh Empress Catherine II St. Petersburg Mining University dari 11-15 November 2024.

Forum ini menghimpunkan lebih daripada 500 peserta dari lebih 30 negara, termasuk wakil dari UNESCO, Persatuan Kejuruteraan Dunia, Suruhanjaya Sains dan

Teknologi PBB, institut serta pusat UNESCO kategori 1 dan 2, dan rektor universiti terkemuka dunia. Antara isu utama yang dibincangkan:

- Peranan Organisasi Antarabangsa dan Persatuan Profesional dalam pembangunan mampan sistem ekonomi nasional dan global dalam konteks multipolariti;
- Sumber Manusia sebagai sumber pembangunan ekonomi negara yang lestari; dan

- Peranan Sains dalam Mencapai Matlamat Pembangunan Mampan menerusi UNESCO Programme for 2024-2033 of the International Decade of Sciences.

Selain itu, Forum ini bertujuan mengukuhkan interaksi maklumat antara Pusat UNESCO dari pelbagai bidang untuk berkongsi pengalaman, meneroka projek Kerjasama dan memperkuatkan usaha bersama dalam mencapai Matlamat Pembangunan Mampan (SDG).

LAWATAN KERJA KE PROJEK RANCANGAN TEBATAN BANJIR (RTB) ALOR GAJAH FASA 1

16 November 2024



*S*AB Dato' Sri Haji Fadillah Bin Haji Yusof, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) bersama-sama YAB Ketua Menteri Melaka turut meluangkan masa turun padang bagi mengadakan pemantauan rapi ke Projek Rancangan Tebatan Banjir Alor Gajah Fasa 1 daerah Alor Gajah, Melaka.



Projek yang bernilai RM30 juta ini telah mula dijalankan sejak Ogos 2022 dan dijangka siap pada Ogos 2025. Melalui pelaksanaan projek ini, seluas 418 hektar dan dianggarkan seramai 1,275 penduduk di kawasan persekitaran akan terhindar dari risiko bencana banjir.

Secara langsung, projek ini dijangka dapat meningkatkan semula aktiviti sosio-ekonomi serta menjamin kelangsungan perhubungan penduduk setempat di samping mengurangkan kerugian harta benda, kemudahan awam dan kehilangan nyawa akibat banjir.

Kerajaan Persekutuan sentiasa prihatin dan cakna dalam memastikan kelestarian pelaksanaan projek-projek Kerajaan untuk memastikan impak yang maksima demi kesejahteraan rakyat dan merangsangkan ekonomi Melaka.

7th Malaysia - Netherlands WATER DIALOGUE, PATHWAY TO RESILIENCE : ACHIEVING WATER SECURITY AMIDST CLIMATE CHANGE



18 November 2024 | YBrs. Ir Amiruddin bin Alaldin, TKPSB Menanggung Tugas Ketua Pengarah JPS telah hadir ke program 7th Malaysia - Netherlands Water Dialogue, Pathway To Resilience : Achieving Water Security Amidst Climate Change yang diadakan di Dewan Auditorium, Asian International Arbitration Centre (AIAC), Kuala Lumpur. Ucap terna program 7th Malaysia - Netherlands Water Dialogue telah disampaikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri PETRA.

Turut berlangsung juga adalah sesi Kunjungan Hormat H.E Jacques Werner, Ambassador of The Kingdom of The Netherlands to Malaysia kepada YAB Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri PETRA.

Turut hadir bersama dalam majlis tersebut adalah YBhg. Dato' KSU PETRA, Pengurusan Tertinggi PETRA, pegawai-pegawai dari pejabat kedutaan Netherlands di Malaysia, pembentang kertas kerja dan peserta-peserta 7th Malaysia - Netherlands Water Dialogue dari pelbagai agensi, NGO dan pemain industri.

PROGRAM 2 TAHUN KERAJAAN MADANI dan KONVENSYEN NASIONAL REFORMASI PERKHIDMATAN AWAM TAHUN 2024

YBrs. Ir. Amiruddin bin Alaldin, Timbalan Ketua Pengarah Menanggung Tugas Ketua Pengarah JPS Malaysia menghadiri Program 2 Tahun Kerajaan MADANI dan Konvensyen Nasional Reformasi Perkhidmatan Awam Tahun 2024 yang berlangsung mulai 22 hingga 24 November 2024 bertempat di Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC), Kuala Lumpur.

Program ini dirasmikan oleh YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia pada 23 November 2024. Program ini dianjurkan bertujuan untuk menyebarkan dan mempromosikan dasar-dasar dan inisiatif-inisiatif baharu yang diperkenalkan kepada rakyat di samping meningkatkan kefahaman dan kesedaran umum terhadap hala tuju dan matlamat Kerajaan serta membina kepercayaan dan keyakinan antara Kerajaan dengan rakyat melalui kaedah pelaporan pencapaian secara berkala.

Pelaksanaan program ini akan melibatkan kerjasama strategik bersama Kementerian-kementerian, Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC), pihak industri, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan pelbagai pihak pemegang taruh.

Turut hadir Pengarah Pengairan dan Saliran Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Pengarah Bahagian Sumber Air dan Hidrologi, Pengarah PRBN, Pengarah Pengarah Lembaga Sungai Klang dan pegawai-pegawai kanan JPS Malaysia.



SESI TAKLIMAT PROJEK RTB SUNGAI KAYU ARA FASA 2 KEPADA YAB TIMBALAN PERDANA MENTERI MERANGKAP MENTERI PETRA

YBrs. Ir. Amirudin bin Alaldin, Timbalan Ketua Pengarah (Sektor Bisnes) Menanggung Tugas Ketua Pengarah JPS telah hadir ke taklimat Projek RTB Sungai Kayu Ara Fasa 2 kepada YAB Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri PETRA yang telah diadakan di Pejabat YAB Timbalan Perdana Menteri, Bangunan Parlimen Malaysia.



Turut hadir dalam sesi taklimat tersebut adalah Pengarah Bahagian Pengurusan Banjir, Pengarah Bahagian Pengurusan Lembangan Sungai, YBhg. Dato' Pengarah Pengairan dan Saliran Negeri Selangor dan Jurutera Daerah JPS Petaling.

SESI TAKLIMAT PROJEK PLSB SUNGAI PERAK FASA 1 (RTB LENGGONG) DAN RTB GERIK KEPADA YB TIMBALAN MENTERI DALAM NEGERI MERANGKAP AHLI PARLIMEN LENGGONG



YBrs. Ir. Amirudin bin Alaldin, Timbalan Ketua Pengarah (Sektor Bisnes) Menanggung Tugas Ketua Pengarah JPS Malaysia telah hadir ke taklimat Projek PLSB Sungai Perak Fasa 1 (RTB Lenggong) dan RTB Gerik kepada YB Timbalan Menteri Dalam Negeri merangkap Ahli Parlimen Lenggong yang telah diadakan di Lounge Ahli Dewan Negara, Bangunan Parlimen Malaysia.



Turut hadir dalam sesi taklimat tersebut adalah SUB Kanan PETRA, Pengarah Bahagian Pengurusan Banjir, Pengarah Bahagian Pengurusan Lembangan Sungai, Pengarah JPS Negeri Perak, Jurutera Daerah JPS Gerik dan pegawai-pegawai kanan JPS.

Sesi Penggulangan Perbahasan Bajet 2025

PERINGKAT JAWATANKUASA BAGI KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR (PETRA)

YBrs. Ir. Amiruddin bin Alaldin, TKPSB Menanggung Tugas Ketua Pengarah JPS telah hadir ke sesi Penggulangan Perbahasan Bajet 2025 Peringkat Jawatankuasa Bagi Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) yang telah disempurnakan oleh YB Timbalan Menteri PETRA yang berlangsung di Dewan Rakyat, Parlimen Malaysia.

Sesi telah dimulakan dengan taklimat kepada YBTM PETRA berkenaan soalan-soalan yang telah dibangkitkan oleh Ahli Parlimen yang mengambil bahagian dalam perbahasan. Seramai 20 orang Ahli Parlimen yang terbabit dalam sesi perbahasan tersebut. Turut hadir dalam sesi penggulangan tersebut adalah YAB Menteri PETRA, Pengurusan Tertinggi PETRA, Ketua-ketua Jabatan dan agensi PETRA dan pegawai-pegawai kanan.



Majlis Amanat

TIMBALAN KETUA PENGARAH (SEKTOR BISNES) BERSAMA WARGA JPS MALAYSIA, MAJLIS PERSARAAN & SAMBUTAN DEEPAVALI PERINGKAT JPS MALAYSIA TAHUN 2024

YBrs. Ir. Amiruddin bin Alaldin, Timbalan Ketua Pengarah (Sektor Bisnes) JPS Malaysia telah menyampaikan amanat kepada warga kerja JPS Malaysia dalam Majlis Amanat Timbalan Ketua Pengarah (Sektor Bisnes) bersama warga JPS Malaysia.



Turut diadakan majlis persaraan bagi menghargai dan meraikan jasa bakti seramai 12 pegawai dan kakitangan JPS yang bersara sepanjang tahun 2024 yang terdiri daripada 10 kakitangan bersara wajib dan 2 kakitangan yang meninggal dalam perkhidmatan. Sambutan Hari Deepavali peringkat JPS Malaysia juga diadakan bagi merayakan warga kerja JPS dengan perayaan pesta cahaya tahun ini.

Sesi Taklimat KEPADA YAB TIMBALAN PERDANA MENTERI MERANGKAP MENTERI PETRA DAN SESI KAMAR KHAS PARLIMEN

YBrs. Ir. Amiruddin bin Alaldin, Timbalan Ketua Pengarah (Sektor Bisnes) Menanggung Tugas Ketua Pengarah JPS telah hadir ke taklimat soalan Kamar Khas Parlimen dari Ahli Parlimen Kuala Nerus, Terengganu yang telah diadakan di Pejabat YAB Timbalan Perdana Menteri bertempat di Bangunan Parlimen Malaysia.



Turut hadir dalam taklimat tersebut adalah YBhg Dato' TKSU (Air) PETRA, Pengarah JPS Negeri Terengganu, Jurutera Daerah JPS Kuala Nerus dan pegawai-pegawai kanan JPS.


Lawatan YAB Timbalan Perdana Menteri 1 merangkap Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah KE KAWASAN BANJIR DI NEGERI TERENGGANU

30 November 2024 | YBrs. Ir. Amiruddin bin Alaldin, TKPSB Menanggung Tugas Ketua Pengarah JPS telah hadir ke Program Lawatan YAB Timbalan Perdana Menteri 1 merangkap Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah ke kawasan banjir di Negeri Terengganu.

Program dimulakan dengan sesi taklimat oleh PPSN Terengganu, APM dan Ketua Polis Negeri. Program seterusnya disusuli dengan lawatan ke PPS Nibong dan PPS SMK Matang, Hulu Terengganu.



Turut hadir dalam program tersebut adalah YB Hj. Hanafiah bin Mat, Pengerusi Jawatankuasa Infrastruktur, Utiliti dan Pembangunan Luar Bandar Negeri Terengganu yang mewakili YAB Menteri Besar, Wakil SUK Negeri Terengganu, YBrs. Pengarah Bahagian Pengurusan Sumber Air & Hidrologi (BPSAH), YBrs. Pengarah Bahagian Korporat dan Ketua-ketua Jabatan Negeri.



LAWATAN YAB PERDANA MENTERI MALAYSIA KE KAWASAN BANJIR DI NEGERI TERENGGANU

Brs. Ir. Amiruddin bin Alaldin, TKPSB Menanggung Tugas Ketua Pengarah JPS telah hadir ke Program Lawatan YAB Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim ke kawasan banjir di Negeri Terengganu.



Program dimulakan dengan sesi taklimat oleh APM, JPS, MET Malaysia, JBPM, ATM dan PDRM.

Program seterusnya disusuli dengan lawatan ke PPS SK Telaga Papan dan PPS SK Mangkok, Setiu Terengganu.

Turut hadir dalam program tersebut adalah YAB Menteri Besar Terengganu, YB SUK Negeri Terengganu, YBhg. Tan Sri KSN, YBhg. Tan Sri KPN dan Ketua-Ketua Jabatan Persekutuan dan Negeri.



3 Disember 2024

SESI PERJUMPAAN YAB MENTERI PETRA BERSAMA WARGA PETRA BAGI BULAN DISEMBER 2024



YBrs. Ir. Amirudin bin Alaldin, TKPSB Menanggung Tugas Ketua Pengarah JPS telah hadir ke Majlis Perjumpaan YABM PETRA Bersama Warga PETRA bagi Bulan Disember 2024 bertempat di Dewan Baiduri, Menara PETRA.

Dalam ucaptamanya, YABM PETRA menegaskan komitmen PETRA yang akan memastikan setiap infrastruktur air yang terjejas seperti loji rawatan air dan sistem saliran dipulihkan segera. Bekalan elektrik turut sentiasa dipantau bagi memastikan bekalan ini stabil dan berdaya harap.

Selain itu turut berlangsung majlis Ikrar Bebas Rasuah (IBR) PETRA yang telah disaksikan oleh YBhg Tan Sri Ketua Pesuruhjaya Pencegahan Rasuah Malaysia.

Turut hadir dalam majlis tersebut adalah YB Timbalan Menteri PETRA, KSU dan pengurusan Tertinggi PETRA serta Ketua-Ketua Jabatan & agensi di bawah PETRA.



SESI PEMBENTANGAN MENGENAI CADANGAN KUCHING BYPASS CHANNEL KEPADA YAB TIMBALAN PERDANA MENTERI MERANGKAP MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR (PETRA)

YBrs. Ir. Amiruddin bin Alaldin, Timbalan Ketua Pengarah (Sektor Bisnes) menanggung tugas Ketua Pengarah JPS telah hadir ke Sesi Pembentangan Mengenai Cadangan Kuching Bypass Channel kepada YAB Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri PETRA bertempat di Bilik Mesyuarat Aras 17, Menara PETRA.

Turut hadir dalam mesyuarat tersebut adalah YBhg. Dato' KSU PETRA, YBhg. Dato' SUBK PETRA, SUB Pembangunan, wakil JPS Sarawak serta pegawai-pegawai kanan PETRA dan JPS Malaysia.



SESI LAWATAN KE WAR ROOM BANJIR PUSAT RAMALAN DAN AMARAN BANJIR NEGARA (PRABN) DAN PEMANTAUAN STESEN ARAS AIR SERTA SITUASI BANJIR OLEH YAB TIMBALAN PERDANA MENTERI MERANGKAP MENTERI PETRA

YBrs Ir. Amiruddin bin Alaldin, TKPSB Menanggung Tugas Ketua Pengarah JPS telah turut hadir dalam Sesi Lawatan YAB Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri PETRA ke (PRABN) bagi memantau stesen-stesen aras air dan situasi banjir seluruh negara.

Turut hadir dalam majlis tersebut adalah YBhg Dato SUBK PETRA, SUB BSA, Pengarah BPSAH, Pengarah PRABN, Pengarah Operasi PLSK, Pengarah Operasi SMART dan pegawai-pegawai kanan PETRA & JPS.

Taklimat Operasi Pusat Amaran dan Ramalan Banjir Negara telah disampaikan oleh YBrs Ir Dr Salwa Binti Ramly, Timbalan Pengarah PRABN.

PENGESANAN PUSAT DATA

Aras Air Hujan

Data dihantar setiap 15 minit

Ramalan Hujan

- Ramalan Hujan - 3 jam (RaiNS)
- 7 hari (NWP)

• Data Berpusing • Big Data

PRABN

- Operasi banjir & pemantauan
- Menjalankan simulasi banjir
- Menghaskan ramalan 7 hari ke hadapan
- Menyediakan amaran sehingga 2 hari ke hadapan
- Menyebarkan amaran

NADMA

- Pengurusan Bencana
- Mengendalikan operasi berkaitan

MCMC

- Menghantar amaran banjir melalui SMS (mengikut zon)

MAMPU

- Pengedaran Siren secara Automatik
- Penyebaran amaran - Laman Web Public InfoBanjir
- Facebook & Twitter
- JPS Negeri (WhatsApp/Email)

WEB RASMI PUBLIC INFOBANJIR

| Stesen | Aras Air (m) | Hujan (mm) |
|---|--|---|
| NEGERI SEMBANG | | |
| Lang Tepu, Mel | Aras Air (30.00) telah melebihi aras amaran (28.00) dan telah melebihi aras bahaya (26.00) pada 2024-12-03 13:00 | Hujan (30.00) telah melebihi aras amaran (20.00) dan telah melebihi aras bahaya (10.00) pada 2024-12-03 13:00 |
| Bantol D10, Kedah | Tidak melebihi aras amaran | Hujan (30.00) telah melebihi aras amaran (20.00) dan telah melebihi aras bahaya (10.00) pada 2024-12-03 13:00 |
| Kota Kemuning, Kedah | Tidak melebihi aras amaran | Hujan (30.00) telah melebihi aras amaran (20.00) dan telah melebihi aras bahaya (10.00) pada 2024-12-03 13:00 |
| Kuala Selangor, Melaka | Aras Air (30.00) telah melebihi aras amaran (28.00) dan telah melebihi aras bahaya (26.00) pada 2024-12-03 13:00 | Hujan (30.00) telah melebihi aras amaran (20.00) dan telah melebihi aras bahaya (10.00) pada 2024-12-03 13:00 |
| Kuloh, Kedah | Aras Air (30.00) telah melebihi aras amaran (28.00) dan telah melebihi aras bahaya (26.00) pada 2024-12-03 13:00 | Hujan (30.00) telah melebihi aras amaran (20.00) dan telah melebihi aras bahaya (10.00) pada 2024-12-03 13:00 |
| Kempang, Kedah | Aras Air (30.00) telah melebihi aras amaran (28.00) dan telah melebihi aras bahaya (26.00) pada 2024-12-03 13:00 | Hujan (30.00) telah melebihi aras amaran (20.00) dan telah melebihi aras bahaya (10.00) pada 2024-12-03 13:00 |
| Sarak B, Kedah | Aras Air (30.00) telah melebihi aras amaran (28.00) dan telah melebihi aras bahaya (26.00) pada 2024-12-03 13:00 | Hujan (30.00) telah melebihi aras amaran (20.00) dan telah melebihi aras bahaya (10.00) pada 2024-12-03 13:00 |
| Sekolah, Kedah | Aras Air (30.00) telah melebihi aras amaran (28.00) dan telah melebihi aras bahaya (26.00) pada 2024-12-03 13:00 | Hujan (30.00) telah melebihi aras amaran (20.00) dan telah melebihi aras bahaya (10.00) pada 2024-12-03 13:00 |
| Setengah Pelandok, Kedah | Tidak melebihi aras amaran | Hujan (30.00) telah melebihi aras amaran (20.00) dan telah melebihi aras bahaya (10.00) pada 2024-12-03 13:00 |
| Kayak, Kedah | Tidak melebihi aras amaran | Hujan (30.00) telah melebihi aras amaran (20.00) dan telah melebihi aras bahaya (10.00) pada 2024-12-03 13:00 |
| NEGERI TERENGGANU | | |
| Perlis (Stesen) & Tadapan Kemuning (St) | Aras Air (30.00) telah melebihi aras amaran (28.00) dan telah melebihi aras bahaya (26.00) pada 2024-12-03 13:00 | Hujan (30.00) telah melebihi aras amaran (20.00) dan telah melebihi aras bahaya (10.00) pada 2024-12-03 13:00 |




MESYUARAT KHAS PENYELARASAN PENGURUSAN BENCANA BANJIR

YBrs. Ir. Amiruddin bin Alaldin, Timbalan Ketua Pengarah (Sektor Bisnes) menanggung tugas Ketua Pengarah JPS telah hadir ke Mesyuarat Khas Penyelarasan Pengurusan Bencana Banjir yang dipengerusikan oleh YBhg. Tan Sri KSN bertempat di Markas SMART, Pulau Meranti, Puchong.



DISEMBER 2024 (RABU)
9.30 PAGI
DI ATAS 3 MARKAS SMART
KETUA SETIAUSAHA NEGARA



Turut hadir dalam mesyuarat tersebut adalah YBhg. Tan Sri KPPA, Ketua Pengarah NADMA, Ketua Pengarah APM, Ketua Pengarah ICU JPM, YB SUK Negeri-Negeri yang terjejas banjir (online) dan wakil-wakil Jabatan dan agensi peringkat persekutuan.

4 Disember 2024

MAJLIS PENUTUPAN PROGRAM PENGGUNA BIJAK BINA DIRI, BIMBING RAKAN 2.0



YBrs. Ir. Amiruddin bin Alaldin, TKPSB Menanggung Tugas Ketua Pengarah JPS telah menyempurnakan Majlis Penutupan Program Pengguna Bijak Bina Diri, Bimbing Rakan 2.0, anjuran Majlis AKRAB Kebangsaan (MAK) dengan kerjasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) dan AKRAB JPS Malaysia bertempat di Dewan Serbaguna JPS Malaysia.



Turut hadir dalam majlis tersebut adalah YBrs Pengarah Kanan JPS Malaysia, En. Afendi bin Ya@Zakaria Presiden Majlis Akrab Kebangsaan, YBrs Ir Marenawati Pengerusi AKRAB JPS dan peserta-peserta program.

Mesyuarat

JAWATANKUASA PEMANTAUAN PROGRAM PEMBANGUNAN (JPPP) BAGI PROJEK JABATAN BUKAN TEKNIK (AP 182) BIL. 4 TAHUN 2024



Mesyuarat ini dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Ir. Rozman bin Mohamad, Timbalan Ketua Pengarah (Sektor Pakar) JPS Malaysia yang telah diadakan pada 3 hingga 4 Disember 2024 bertempat di Bilik Mesyuarat Kinabatangan, JPS Sabah.



Mesyuarat ini bertujuan untuk membincangkan prestasi fizikal dan kewangan projek-projek Jabatan Bukan Teknik yang dilaksanakan oleh JPS pada tahun 2024.

Satu Lawatan Teknikal ke Rumah Pam Sangkir di Sungai Jepun, IADA Kota Belud juga diadakan pada 2 Disember 2024 bagi melihat kefungsi projek pengairan pertanian yang telah siap bagi sektor pertanian di Daerah Kota Belud.



TAKLIMAT KEPADA YAB TIMBALAN PERDANA MENTERI MERANGKAP MENTERI PETRA DAN SESI MENJAWAB WAKTU PERTANYAAN MENTERI (MQT) DI DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA



YBrs. Ir. Amiruddin bin Alaldin, Timbalan Ketua Pengarah (Sektor Bisnes) menanggung tugas Ketua Pengarah JPS telah hadir ke taklimat Menjawab Waktu Pertanyaan Menteri (MQT) di Dewan Rakyat. Soalan MQT telah dibangkitkan oleh Ahli Parlimen Klang, YB Tuan Ganabatirau a/l Veraman. Taklimat telah diadakan di Pejabat YAB Timbalan Perdana Menteri, Bangunan Parlimen Malaysia.

Turut hadir dalam taklimat tersebut adalah YBhg. Dato' PPSN Selangor dan pegawai-pegawai kanan JPS.





**PELANTIKAN
TIMBALAN KETUA
PENGARAH
(SEKTOR PAKAR)
SEBAGAI
AHLI LEMBAGA,
LEMBAGA
JURUTERA
MALAYSIA**

Setinggi-tinggi tahniah diucapkan kepada YBhg. Dato' Ir. Rozman bin Mohamad, Timbalan Ketua Pengarah (Sektor Pakar) diatas perlantikan sebagai Ahli Lembaga, Lembaga Jurutera Malaysia (BEM) oleh Menteri Kerja Raya Datuk Seri Alexander Nanta Linggi. Surat lantikan telah disampaikan oleh Datuk Wira Ir. Roslan Bin Ismail, Ketua Pengarah Kerja Raya.

LAWATAN TAPAK YBRS TKPSB KE PROJEK RANCANGAN TEBATAN BANJIR (RTB) (RTB) PERSEKITARAN KAWASAN LIDO BANDARAYA KOTA KINABALU, SABAH

YBrs. Ir. Amiruddin bin Alaldin, Timbalan Ketua Pengarah Sektor Bisnes Menanggung Tugas Ketua Pengarah JPS telah mengadakan lawatan ke Projek RTB Persekitaran Kawasan Lido Bandaraya Kota Kinabalu, Sabah.

Taklimat projek telah disampaikan oleh YBrs. Ir. Irene Choo, Timbalan Pengarah (Sektor Bisnes), JPS Sabah.

Turut hadir dalam lawatan tersebut adalah YBrs. En. Miklin Ationg, Timbalan Pengarah (Sektor Pakar) JPS Sabah serta Pegawai-Pegawai dari JPS Sabah.



MESYUARAT KHAS PENYELARASAN PEMANTAUAN PROGRAM/PROJEK PEMBANGUNAN NEGERI SABAH TAHUN 2024

YBrs. Ir. Amiruddin bin Alaldin, Timbalan Ketua Pengarah Sektor Bisnes Menanggung Tugas Ketua Pengarah JPS telah dijemput bagi menghadiri Mesyuarat Khas Penyelarasan Pemantauan Program/Projek Pembangunan Negeri Sabah Tahun 2024. Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA).



Turut hadir dalam mesyuarat tersebut adalah KSU-KSU Kementerian, Ketua-Ketua Jabatan dan Agensi Persekutuan serta Pegawai-Pegawai Kanan Jabatan Persekutuan dan Negeri Sabah.

**MESYUARAT KHAS PENYELARASAN
PEMANTAUAN PROGRAM/PROJEK
PEMBANGUNAN NEGERI SABAH
TAHUN 2024**

YAB DATO' SRI HAJI FADILLAH BIN HAJI YUSOF
TIMBALAN PERDANA MENTERI
7 DISEMBER 2024 || SABTU || 10.30 AM
PEJABAT SETIAUSAHA PERSEKUTUAN SABAH



7 Disember 2024

Majlis PENYERAHAN PROJEK-PROJEK SIAP JPS KEPADA KERAJAAN NEGERI SABAH

Y Brs. Ir. Amiruddin bin Alaldin, Timbalan Ketua Pengarah Sektor Bisnes Menanggung Tugas Ketua Pengarah JPS telah hadir ke Majlis Penyerahan Projek-Projek Siap JPS Kepada Kerajaan Negeri Sabah bertempat di Sabah International Convention Centre (SICC), Kota Kinabalu, Sabah.

Majlis ini telah disempurnakan oleh YBrs. Timbalan Ketua Pengarah Sektor Bisnes mewakili JPS Malaysia manakala YBhg Datuk Dr. Ahemad Sade, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan) mewakili Kerajaan Negeri Sabah. Menyaksikan majlis tersebut adalah YAB Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri PETRA dan YB Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Kitingan, Timbalan Ketua Menteri 1 merangkap Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan Sabah.



Penyerahan 6 projek siap ini merangkumi 3 projek tebatan banjir, 1 projek pemuliharaan muara, 1 projek mencegah hakisan pantai dan 1 projek menaiktaraf rumah pam yang keseluruhannya melibatkan peruntukan persekutuan berjumlah RM 65.5 juta. Projek-Projek ini akan memberi manfaat demi kesejahteraan rakyat Negeri Sabah.

Turut hadir dalam majlis tersebut ialah YBhg. Dato' KSU PETRA, YBhg. Dato' Seri Setiausaha Persekutuan Sabah, YBhg. Dato' SUBK PETRA, SUB-SUB PETRA, Pengarah-Pengarah Bahagian JPS serta pegawai-pegawai kanan Jabatan Persekutuan dan Negeri Sabah.



MAJLIS 500,000 MANHOURS CELEBRATION KUALA PAHANG PHASE 3 PACKAGE 3



YBrs. Ir. Amiruddin bin Alaldin, Timbalan Ketua Pengarah Sektor Bisnes Menanggung Tugas Ketua Pengarah JPS telah hadir ke Majlis 500,000 Manhours Celebration Kuala Pahang Phase 3 Package 3@UPPP Pahang di Pejabat Unit Pelaksanaan Projek Persekutuan (UPPP) Negeri Pahang, Pekan, Pahang untuk menyambut kejayaan mencapai 500,000 jam kerja selamat tanpa insiden kecederaan yang menyebabkan kehilangan masa bekerja (Lost Time Injury - LTI) bagi Projek Pemuliharaan Muara Sungai Pahang, Fasa 3 Pakej 3 yang bermula pada 22 Jun 2022 dan dijangka tamat pada 21 Jun 2027.

Majlis ini telah dirasmikan oleh EXCO Kerja Raya, Pengangkutan dan Kesihatan Negeri Pahang, YB Dato' Ir. Razali bin Kassim.



Turut hadir bersama Pengarah Bahagian Pengurusan Zon Pantai JPS Malaysia, Hj. Zul bin Mohammad, Pengarah JPS Negeri Pahang, Ir. Mohd. Sha'ri Bin Mohammed, Pengarah Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) Negeri Pahang, YBrs. En. Ahmad Fauzi b. Awang, Jurutera Projek UPPP Negeri Pahang, En. Saiful Rizan Bin Sanusi, Pegawai-Pegawai Ibu Pejabat JPS Malaysia & UPPP Negeri Pahang, Wakil Syarikat MRCB dan wakil Syarikat PYT.

12 Disember 2024 | YBrS. Ir. Amiruddin bin Alaldin, Timbalan Ketua Pengarah Sektor Bisnes Menanggung Tugas Ketua Pengarah JPS telah mempengerusi Mesyuarat Jawatankuasa Induk Bil. 1/2024 Program Ramalan dan Amaran Banjir Negara pada 12 Disember 2024.

Turut hadir dalam mesyuarat tersebut Pengarah PRABN, ketua-ketua Sekyen PRABN, wakil bahagian dan juga agensi-agensi yang terlibat dalam pelaksanaan program PRAB.

Mesyuarat ini diadakan bertujuan untuk menyelaraskan dan memantau status pelaksanaan Program Ramalan dan Amaran Banjir (PRAB) yang melibatkan pelbagai agensi utama berkaitan banjir seperti JPS, NADMA, Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia), MYSA dan lain-lain.



MESYUARAT JAWATANKUASA INDUK BIL. 1/2024 PROGRAM RAMALAN DAN AMARAN BANJIR

Mesyuarat Intervensi dan Lawatan Tapak ke Projek Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu (PLSB) Sungai Sarawak (Pakej 2)

YBrs. Ir. Amiruddin bin Alaldin, TKPSB Menanggung Tugas Ketua Pengarah JPS telah mempengerusikan Mesyuarat Intervensi dan mengadakan lawatan tapak ke Projek PLSB Sungai Sarawak (Pakej 2).

Projek yang bernilai RM 23.8 juta ini melibatkan 3 lokasi utama di Bandaraya Kuching di bawah sub-lembangan Sungai Maong iaitu :

- Naiktaraf sistem saliran di Hospital Umum, Kuching
- Naiktaraf sistem saliran di Jalan Batu Lintang, Kuching
- Naiktaraf sistem saliran di Kuarters Kerajaan Persekutuan, Kuching



Turut hadir dalam program tersebut ialah YBrs. Pengarah Bahagian Saliran Mesra Alam, YBrs Pengarah Bahagian Korporat, Pegawai-Pegawai Kanan JPS Sarawak, wakil perunding dan wakil kontraktor.

MESYUARAT KHAS PENYELARASAN PEMANTAUAN PROGRAM/PROJEK PEMBANGUNAN NEGERI SARAWAK TAHUN 2024

YBrs. Ir. Amiruddin bin Alaldin, Timbalan Ketua Pengarah Sektor Bisnes Menanggung Tugas Ketua Pengarah JPS telah hadir ke Mesyuarat Khas Penyelarasan Pemantauan Program/Projek Pembangunan Negeri Sarawak Tahun 2024 bertempat di Bilik Mesyuarat Pejabat RISDA Negeri Sarawak, Kota Samarahan.

Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA). Hadir bersama YBrs TKPSB adalah YBhg. Datu Pengarah Pengairan dan Saliran Negeri Sarawak dan YBrs. Pengarah Korporat JPS Malaysia.

Selain itu, turut hadir dalam mesyuarat tersebut KSU-KSU Kementerian, Ketua-Ketua Jabatan dan Agensi diperingkat Persekutuan serta Pegawai-Pegawai Kanan Jabatan Persekutuan dan Negeri Sarawak.



15 Disember 2024

SESI LIBAT URUS

KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR
(PETRA) BERSAMA MEDIA 2024 (SARAWAK)



YBrs. Ir. Amiruddin bin Alaldin, TKPSB Menanggung Tugas Ketua Pengarah JPS telah hadir ke Majlis Sesi Libat Urus Kementerian Peralihan Tenaga Dan Transformasi Air (PETRA) Bersama Media 2024 (Sarawak) bertempat di Hotel Riverside Majestic Puteri Wing, Kuching, Sarawak.

Sesi libat urus bersama media yang melibatkan pengamal-pengamal media cetak, elektronik dan media sosial ini telah disempurnakan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA).

Turut hadir dalam majlis tersebut adalah YBhg. Dato' KSU dan Pengurusan Tertinggi PETRA, SUB-SUB PETRA, Ketua-Ketua Jabatan & Agensi di bawah PETRA serta Negeri Sarawak.

16 Disember 2024

Majlis

PENYERAHAN SIAP KERJA PEMBINAAN BENTENG PEMECAH OMBAK KOMPLEKS RAKAN MUDA ROMPIN & KERJA NAIK TARAF KOMPLEKS RAKAN MUDA ROMPIN



YBhg. Dato' Ir. Rozman bin Mohamad, Timbalan Ketua Pengarah (Sektor Pakar) telah mewakili JPS Malaysia bagi membuat penyerahan projek siap ini kepada Ts. Dr. Nagulendran Kangayatkarasu, Ketua Setiausaha Kementerian Belia dan Sukan Malaysia dan disaksikan oleh YB Adam Adli bin Abd. Halim, Timbalan Menteri Belia dan Sukan.



Turut hadir bersama ke majlis penyerahan ini adalah YB Dato' Ir. Razali bin Kassim, Exco Kerja Raya, Pengangkutan dan Kesihatan Negeri Pahang, Pengarah JPS Pahang, Pengarah JKR Pahang, pegawai SUK Negeri Pahang, pegawai JKR Pahang serta pegawai-pegawai kanan JPS Ibu Pejabat dan Negeri.



Projek ini dijalankan sebagai langkah pengukuhan tebing pantai bagi memastikan pantai di Kompleks Rakan Muda Sukan Air Rompin ini tidak terjejas akibat hakisan. Projek hakisan pantai bermula dengan pembinaan benteng pemecah ombak sepanjang 550 meter dan pembinaan pagar *anti climb* sepanjang 390 meter.

MAJLIS

PERASMIAN KERJA SIAP BAGI PROJEK MENAIKTARAF RUMAH PAM DATUK KERAMAT, KUALA LUMPUR



YBrs. Ir. Amiruddin bin Alaldin, Timbalan Ketua Pengarah Sektor Bisnes Menanggung Tugas Ketua Pengarah JPS telah hadir bagi merasmikan Majlis Kerja siap Projek Menaiktaraf Rumah Pam Datuk Keramat, Kuala Lumpur bertempat di Rumah Pam Datuk Keramat, Kuala Lumpur.

Turut hadir dalam majlis tersebut adalah YBrs. Ir. Haji Mohd. Azmin Bin Hussin, Pengarah Pengairan dan Saliran Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, YBrs. Ir. Ts. Hajah Hapida Binti Haji Ghazali selaku Pemilik Projek, Pengarah Bahagian Perkhidmatan Mekanikal dan Elektrikal, JPS Malaysia, Pengarah - Pengarah Bahagian JPS Malaysia, Pengarah-Pengarah Operasi JPS Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, wakil pegawai dari Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP), Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan Elektrikal (JME) dan Jabatan Kejuruteraan Awam dan Saliran (JKAWS), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan pegawai-pegawai kanan JPS Malaysia dan JPS WPKL.

Projek Menaiktaraf Rumah Pam Datuk Keramat, Kuala Lumpur telah dilaksanakan dan diselia oleh Jabatan Pengairan dan Saliran Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Objektif projek ini dilaksanakan bertujuan untuk meningkatkan kecekapan operasi dan kawal selia serta keselamatan disamping dapat memastikan Rumah Pam berada dalam keadaan siap siaga bagi mengurangkan risiko banjir di kawasan Datuk Keramat.

Projek ini mula dijalankan pada 1 November 2023 dan telah siap sepenuhnya pada 9 Oktober 2024 di mana projek ini telah berjaya disiapkan tujuh (7) bulan lebih awal berbanding tarikh siap asal iaitu pada 30 April 2025.





20 DISEMBER 2024

Lawatan Tapak **MENAIKTARAF SALIRAN DI KAMPUNG KEBUN BARU, BATU 9, TELOK PANGLIMA GARANG**

YBhg. Dato' Haji Mad Zaidi bin Mohd Karli, Ketua Setiausaha PETRA telah menghadiri Program Santuni MADANI di SK Kebun Baru bersama Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) bagi melawat tapak projek menaiktaraf saliran di Jalan Melor, Jalan Helang dan Jalan Merak, Kampung Kebun Baru, Batu 9, Telok Panglima Garang.



LAWATAN KERJA

Projek Pengawalan Hakisan Pantai di

KAMPUNG TANJUNG BATU



Y Bhg Tan Sri Dato' Sri Shamsul Azri Bin Abu Bakarawatan, Ketua Setiausaha Negara telah menghadiri sesi lawatan kerja Projek Pengawalan Hakisan Pantai di Kampung Tanjung Batu, Nenasi, Pekan, Pahang untuk meninjau kemajuan pelaksanaan projek Jabatan Pengairan dan Saliran di Kampung Tanjung Batu. Sesi pembentangan tapak diberikan oleh Jurutera Projek UPPP Pahang, JPS Malaysia.

Turut hadir bersama Pengarah Pembangunan Negeri Pahang, Pegawai Daerah Pekan, Ketua-ketua Agensi Persekutuan dan Negeri serta pemimpin masyarakat setempat.

SIARAN LANGSUNG TEMUBUAL

Selamat Pagi Malaysia

"Waspada Hakisan Tanah Tebing Sungai Pada Musim Banjir"

YBrs. Ir. Mat Pua'at bin Mat Hussain, Pengarah Kanan (Sektor Pengurusan) Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia telah bersiaran secara langsung di RTM dengan topik "Waspada Hakisan Tanah Tebing Sungai Pada Musim Banjir" pada 24 Disember 2024 (Selasa) jam 8.15 pagi.

